

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/10 / 2009

Mahu warga Palestin dilindungi

UM - 30/10/09

KUALA LUMPUR 29 Okt. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan membuat permohonan bertulis kepada kerajaan bagi membolehkan warga Palestin diberikan perlindungan politik di negara ini.

Beliau berkata, warga dari negara yang menghadapi perang seperti Iraq dan Palestin dialu-alukan datang ke Malaysia dan menjadikannya sebagai negara kedua mereka.

“Saya bukan lagi Perdana Menteri. Malang sekali. Bagaimanapun, saya tetap akan membuat permohonan bertulis kepada kerajaan supaya warga Palestin berkenaan dibenarkan tinggal di negara ini.

“Semua orang dialu-alukan untuk tinggal di Malaysia dan menjadikan Malaysia negara kedua mereka. Ini adalah sesuai dengan program Malaysia Rumah Keduaku yang

dilancarkan tidak lama dulu,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika mempengerusikan sesi perbincangan terakhir pada hari kedua Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sementara itu, seorang bekas tahanan Kem Teluk Guantanamo, Cuba meminta Tun Dr. Mahathir membantu rundingan mendapatkan status pelarian kepada mereka yang terkandas di kem itu.

Ini termasuk empat warga Palestin yang tidak dapat pulang ke tanah air mereka kerana dihalang Israel.

Sami AlHajj berkata, jika bekas tahanan itu dibenarkan pulang ke Palestin pun, mereka akan diseksa teruk oleh Israel.

“Kita perlu mencarikan tempat tinggal

baru untuk mereka dan bekas tahanan Teluk Guantanamo yang lain.

“Justeru, saya meminta Dr. Mahathir membantu rundingan supaya empat warga Palestin ini mendapatkan status pelarian dan dapat menikmati kehidupan yang bermakna semula,” katanya.

Sami menambah, selain warga Palestin, tahanan lain yang terkandas di kem itu ialah dari puak Uighur di China.

“Jika pulang, mereka akan diseksa lebih teruk. Oleh itu, kita perlu membantu memberi perlindungan kepada mereka yang terkandas di Teluk Guantanamo,” katanya.

Jelasnya, semasa ditahan di Teluk Guantanamo, beliau menyaksikan bagaimana sebahagian tahanan diseksa sehingga hilang akal.